



PROGRAM ANAK ANGKAT KYM DILANCARKAN

24 September - Program Anak Angkat Kolej Yayasan Melaka (KYM) telah dilancarkan dalam suasana yang meriah oleh YB Encik Ismail bin Saleh, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, mewakili YAB Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam.

Majlis yang dihadiri oleh hampir 150 orang pengetua-pengetua Sekolah Menengah Negeri Melaka dan Tadika Negeri Melaka menandakan sokongan yang diberikan ke atas program Anak Angkat Kolej Yayasan Melaka.

YAB Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam, dalam teks ucapan yang dibacakan oleh YB Ismail Saleh menyeru pengetua-pengetua sekolah menengah dan tadika agar memberi sokongan kepada Kolej Yayasan Melaka kerana ia mempunyai keunikan dan kelainan yang tersendiri berbanding program anak angkat yang pernah dijalankan sebelum ini.

“Jika dilihat tujuan program Anak Angkat yang telah dicetuskan sendiri oleh Dr. Hamzaid Yahya, saya pasti program ini akan menjadi satu program yang mampu melahirkan usahawan muda dan KYM telah membuktikannya,” katanya.

Antara aktiviti yang akan dilaksanakan bagi menjayakan program anak angkat ialah program motivasi dan kaedah pembelajaran berkesan terutamanya untuk Tingkatan 4 dan 6 bawah, mengadakan bengkel-bengkel seperti Easy Matematik bagi pelajar tingkatan 4 dan 5 serta Bengkel Pengajian Am dan Ekonomi untuk tingkatan 6, Menawarkan tempat pembelajaran di KYM serta membimbing mereka dalam program yang dipanggil program ‘apperanticeship’ iaitu program yang mendidik mereka untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya. Malah penglibatan ibubapa juga digalakkan dengan mengadakan program ‘parenting’ supaya ibubapa tahu bagaimana untuk membantu anak-anak membuat perancangan masa hadapan.



IPTA / IPTS disaran contohi KYM

24 September - Seramai 14 orang usahawan pelajar Kolej Yayasan Melaka (KYM) hari ini menerima kereta kancil masing-masing sebagai insentif di atas kecemerlangan yang diperolehi dalam kursus mereka. Majlis dirasmikan oleh YB Encik Ismail Saleh, Setiausaha Kerajaan Negeri, mewakili YAB Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam, Ketua Menteri Melaka yang tidak dapat hadir kerana mempunyai urusan di luar negara.

Dalam ucapan beliau yang dibacakan oleh YB Ismail Saleh, antara lain mengucapkan syabas di atas kejayaan para pelajar dan mengucapkan tahniah kepada KYM amnya dan Dr. Hamzaid Yahya, Ketua Eksekutif khasnya di atas kejayaan program yang dijalankan dan idea untuk melahirkan usahawan ketika masih bergelar pelajar.

“Setakat ini belum ada lagi mana-mana IPT di negara kita yang berjaya mengeluarkan penuntut-penuntut yang berjaya dididik melalui sistem yang betul untuk menjadi usahawan ketika masih menuntut lagi tetapi KYM telah membuktikannya,” katanya.

Seorang penuntut yang menerima kereta Perodua Kancil yang juga merupakan pelajar terbaik Pembentangan Rancangan Perniagaan, Ahmad Romie bin Mohd Lazin, 21, berkata, insentif itu merupakan pemangkin kepada dirinya sendiri untuk berusaha dengan lebih gigih lagi. Malah beliau yang juga pelajar tahun akhir Diploma Keusahawanan pengkhususan Perunding Kewangan Islam Takaful menyimpan cita-cita untuk menjadi Pengurus Agensi dalam masa 3 tahun lagi.

PESTA KONVO KYM 2005

Sempena majlis konvokesyen 2005 pihak HEP telah menganjurkan Pesta Konvo KYM 2005 pada 1- 4hb. Sept 2005 yang melibatkan semua pelajar dan warga KYM bertempat di persekitaran kampus KYM. Pelbagai aktiviti telah dijalankan termasuklah ceramah sempena Israk dan Mikraj, sukaneka, jualan, pesta futsal Rakan Muda, skuter show, Konsert Retro 70an dan akhirnya Konsert Konvo 2005. Selain dari itu pihak ko-kurikulum juga telah mengintegrasikan semua pelajar ko-kurikulum pada program tersebut. Kemeriahan pesta kali ini amat baik dengan sambutan bukan hanya dari pelajar dan kakitangan KYM sendiri malahan dari masyarakat luar. Ini adalah kerana adanya program yang menarik iaitu Festival Tadika Negeri Melaka dan Karnival Pekerjaan yang berjalan serentak dengan Pesta Konvo 2005.

Program-program Sepanjang Bulan Ramadhan Di KYM

Program Tadarus Al Quran
Tarikh : Setiap Isnin - Khamis
Masa : Selepas Solat Zohor
Tempat : Surau Lelaki

Program Khatam Quran
Tarikh : 27 Oktober 2005
Masa : 3.00 petang
Tempat : Surau Lelaki

Program Semarak Kasih
Program khusus untuk warga emas, anak-anak yatim, kanak-kanak istimewa dan fakir miskin sempena Bulan Ramadhan sebarang sumbangan berupa makanan, minuman (kordial, biskut, kuih, susu, gula, garam, beras, buku-buku lama dan sebagainya). Sebarang sumbangan boleh dihantar ke Bahagian Hal Ehwal Pelajar KYM.

Majlis Memasak Bubur Lambuk dan Majlis Berbuka Puasa di KYM
Tarikh : 27 Oktober 2005
Tempat : Kantin KYM
Terbuka kepada semua kakitangan yang berminat.

Waktu Bekerja Sepanjang Bulan Ramadhan Dan Makluman Cuti Hari Raya

Sempena Bulan Ramadhan 1426H, waktu kerja rasmi di Kolej Yayasan Melaka adalah seperti berikut :

Isnin - Jumaat: 8.00pagi-4.30petang
Sabtu: 8.00pagi-1.00tengahari

Waktu kerja biasa (8.30pagi-5.00petang) akan bermula seperti biasa selepas Cuti Hari Raya Aidil Fitri.

Manakala **Cuti Hari Raya** akan bermula dari **1-13 November 2005** dan pejabat akan ditutup pada tarikh-tarikh tersebut.

Sumber : Pejabat Ketua Eksekutif

KYM FC MENANG RM2,000.00

KLEBANG - Kolej Yayasan Melaka FC muncul naib juara liga divisyen III 2004/2005 Melaka dan membawa pulang RM2,000.00 setelah tewas ditangan pasukan Cosmopolitan FC 0-5 dalam perlawanan akhir yang diadakan di Sek Men Klebang Besar pada 10 September 2005. KYM FC sebelum ini telah menjadi juara kumpulan A dan menewaskan pasukan Taman Malim Jaya FC 2-1 dalam perlawanan separuh akhir sebelum mara ke perlawanan akhir.

Perlawanan & Jaringan

- KYMFC vs Kelab Sukan Daerah Jasin 4-3
- KYMFC vs St Francis FC 3-0
- KYMFC vs Sri Peringgit 2-1
- KYMFC vs M.Mandram Pulau Sebang 1-2
- KYMFC vs Selandar 3-0
- KYMFC vs JPS Melaka 3-0

Perlawanan melibatkan KYM FC di peringkat kumpulan

Pengurus pasukan En Abdullah Saad berkata kejayaan tersebut merupakan satu permulaan bagi kebangkitan KYM FC untuk muncul sebagai pasukan yang disegani di Melaka seperti empat tahun

lepas. Kita juga mensasarkan agar KYM terkenal bukan sahaja dalam akademik tetapi juga dalam aktiviti sukan terutama bola sepak.

Manakala jurulatih pasukan KYM FC Ruzli Zahari berpendapat kita tidak perlu kecewa dengan kekalahan tersebut memandangkan sasaran untuk naik ke divisyen II telah tercapai malah kejayaan tersebut cukup membanggakan kerana pemain dan pengurusan terdiri daripada pelajar dan kakitangan KYM sendiri. Mengulas perlawanan akhir tersebut juga salah satu punca kekalahan KYM FC ialah ramai pemain utama

telah menamatkan pengajian dan kita terpaksa mencari pemain baru yang kurang pengalaman untuk bermain dalam perlawanan akhir tersebut.

Bagi menghadapi cabaran divisyen II akan datang kita telah membuat pemilihan pemain lebih awal sewaktu karnival sukan 2005 pada 11 September 2005 dan menyusun jadual latihan yang lebih sistematik. Kita juga bercadang untuk menyertai kejohanan-kejohanan bola sepak sekitar Melaka, Negeri Sembilan dan Johor selain membentuk pasukan bagi menyertai pertandingan futsal, street soccer dan bola sepak pantai.



Pemain bola sepak KYM FC: Khairul Zamri, Wehaizreen, Abdullah, Nordin, Mubarak, Marcel, Yusof, Rahaizad, Jagathessan, Ajis Jaafar, Watson, Sepawi, Azwan, Sivakumaran, Gunasegaran, Hashim, Madang, Supian, Hickly, Azam, Fuad, Nazriq, Faizal, Faizie dan Zakaria.